

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN JULIAN TAN KOK PING
[STAMPIN]**

TARIKH : 24 MAC 2015 (SELASA)

SOALAN :

YB Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan di kawasan Stampin (P.196) semenjak Pilihan Raya Umum ke-13. Senaraikan bagaimanakah peruntukan ini digunakan serta pihak yang menggunakannya.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Semenjak Pilihan Raya Umum ke-13 sehingga 2015, Kerajaan telah menyediakan peruntukan khas bagi kawasan Parlimen Stampin dengan jumlah RM1.5 juta bagi pelaksanaan pelbagai program/projek di kawasan berkenaan.

Dari bulan Mei 2013, sebanyak 11 program/projek telah diluluskan dengan kos perbelanjaan sebanyak RM324,172.00 manakala bagi tahun 2014 sebanyak 22 program/projek yang telah diluluskan dengan kos perbelanjaan sebanyak RM0.5 juta. Peruntukan bagi tahun 2015 iaitu sebanyak RM0.5 juta masih belum dibelanjakan sehingga kini. Jumlah keseluruhan perbelanjaan adalah sebanyak RM824,172.00 bagi melaksanakan 33 program/projek.

Perbelanjaan tersebut meliputi pelaksanaan projek infrastruktur kecil, pembelian peralatan dan kelengkapan, bantuan kebajikan dan kecemasan, program sosial kemasyarakatan, keagamaan dan pusat kegiatan masyarakat. Pelaksanaan program/projek di kawasan berkenaan adalah diselaraskan oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Sarawak dan ianya tertakluk kepada garis panduan dan peraturan semasa yang berkaitan.

Sekian. Terima kasih.